

## Konsep *Hakimiyyah* dan Pengaruhnya Terhadap Gerakan Terorisme Dalam Kalangan Muslim

Wan Ji Wan Hussin

[drmaqasid.syariah@gmail.com](mailto:drmaqasid.syariah@gmail.com)

Universiti Malaysia Kelantan

Burhan Che Daud

[burhan@umk.edu.my](mailto:burhan@umk.edu.my)

Universiti Malaysia Kelantan

### ABSTRAK

Gerakan terorisme berlaku dalam kalangan Muslim dan bukan Muslim. Gerakan terorisme dalam kalangan Muslim wujud dengan pelbagai nama seperti Boko Haram, Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) dan sebagainya. Terdapat kajian yang merumuskan bahawa gerakan terorisme dalam kalangan Muslim berkait rapat dengan pemikiran Salafiyyah kerana gerakan tersebut didokong oleh beberapa orang tokoh teroris yang mengangkat fikrah Salafiyyah. Pihak lain pula menyimpulkan terdapat perkaitan antara terorisme dengan pemikiran gerakan Ikhwan Muslimin dengan mengaitkan kepada seorang idealog Ikhwan Muslimin yang mengangkat konsep Hakimiyyah dalam wacana Syed Qutb. Pada masa yang sama, ramai tokoh teroris kontemporari mengungkapkan pentafsiran Syed Qutb dalam memberi huraian yang berkaitan dengan Hakimiyyah menjadi asas terhadap kepercayaan dan pegangan mereka yang baharu. Menggunakan pendekatan kajian turath yang merangkumi kaedah istiqra', istinbat, istirdadi dan jadali, penulisan ini dipersembahkan dengan dikemukakan perbahasan berkenaan kaitan gerakan terorisme dengan pentafsiran teks Islam, perkaitan antara tafsiran konsep Hakimiyyah dalam kalangan teroris dan kritikan terhadap pentafsiran Hakimiyyah dalam versi terorisme serta perbahasannya. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati pentafsiran kelompok teroris terhadap konsep hakimiyyah tidak memenuhi tahap piawaian pentafsiran yang muktabar yang disepakati oleh para ulama silam dan kontemporari. Tambahan pula, implikasi daripada pentafsiran tersebut menunjukkan perlakuan yang bercanggah dengan matlamat wahyu dan maqasid syariah dalam agama Islam.

**Kata Kunci:** *Hakimiyyah; Terorisme; Salafiyyah; Syed Qutb*

**The Concept of *Hakimiyyah* and Its Influence on  
Terrorism Movement Among Muslims**

**ABSTRACT**

Terrorism movement occurs among Muslims and non-Muslims. The movement of terrorism among Muslims exists under various names such as Boko Haram, Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) and others. There are studies that conclude that the movement of terrorism among Muslims is closely related to Salafiyyah thought because the movement is supported by several terrorist figures who promote Salafiyyah thought. The other party concluded that there is a connection between terrorism and the thinking of Muslim Brotherhood by linking it to a Muslim Brotherhood ideologist who raised the concept of Hakimiyyah in the discourse of Syed Qutb. At the same time, many contemporary terrorist figures expressed Syed Qutb's interpretation in giving explanations related to Hakimiyyah as the basis of their new beliefs and conviction. Using turath study approach which includes istiqra', istinbat, istirdadi and jadali methods, this article present a dialectical debate regarding the connection between the terrorist movement and the interpretation of Islamic texts, the connection between the interpretation of the concept of Hakimiyyah among terrorists and criticism of the interpretation of Hakimiyyah according to the version of terrorist interpretation. Based on the analysis, it was found that the terrorist group's interpretation of the concept of hakimiyyah does not meet the authoritative standards of interpretation agreed upon by classical and contemporary scholars. Furthermore, the implication of the interpretation leads to practices that contradict the essence of revelation and maqasid shariah in Islam.

**Keywords:** *Hakimiyyah*; Terrorism; *Salafiyyah*; Syed Qutb.

## PENGENALAN

Walaupun amalan terorisme berlaku bukan sekadar dalam kalangan muslim, namun tidak dinafikan Islam antara agama yang sering terpalit dengan amalan terorisme. Dalam banyak kupasan dan tulisan berkenaan amalan terorisme yang melibatkan muslim, sering dikaitkan dengan kupasan dari sumber rujukan islam, iaitu al-Quran dan hadis. Beberapa konsep Islam juga sering dijadikan sandaran teroris dalam mengabsahkan perlakuan mereka. Konsep Hakimiyyah yang bernuansakan fikrah pelaksanaan hukum Allah dalam sesebuah negara yang melahirkan fikrah pembentukan negara Islam merupakan konsep utama dalam wacana terorisme. Dari konsep terbabit menimbulkan pula konsep al-Bara', Takfir dan Jihad dalam pentafsiran mereka.

Dalam penulisan ini, diperjelaskan konsep hakimiyyah yang bermula dari kaitan pentafsiran teks Islam yang dikaitkan dengan gerakan Salafiyyah dan al-Ikhwan al-Muslimin sehingga perbahasan berkenaan kepercayaan terorisme terhadap asas bagi konsep hakimiyyah dari al-Quran serta kritikan terhadap pentafsiran berkenaan.

## METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan pendekatan kajian turath yang merangkumi kaedah *istiqra'*, *istinbat*, *istirdadi* dan *jadali*. *Istiqra'* (induktif) adalah membuat kesimpulan hukum umum yang dihasilkan daripada dalil-dalil khusus dengan dilakukan penelitian secara menyeluruh terhadap sesuatu perkara sebelum memberikan suatu kesimpulan hukum terhadap perkara tersebut. *Istinbat* (deduktif) pula membuat kesimpulan khusus dari dalil-dalil umum yang terkandung dalam sumber naqli; iaitu mengeluarkan kandungan hukum daripada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dengan ketajaman serta kemampuan akal yang tinggi. *Istirdadi* (pensejarahan) yang turut dinamakan dengan *al-Takwini* atau *al-Tarikhi* adalah meneliti latar belakang sejarah sesuatu perkara yang diperoleh dari sudut sebab munculnya. *Jadali* (dialektik) pula adalah proses membuat kesimpulan hukum menggunakan akal berdasarkan prinsip-prinsip logik terhadap pernyataan yang bersifat tesis dan anti tesis. (Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud, 2018)

Dalam penulisan ini, pendekatan *istirdadi* digunakan dalam menghuraikan berkenaan perkaitan pemikiran terorisme dan pentafsiran agama. Pendekatan *istiqra'* digunakan dalam melihat pentafsiran konsep *hakimiyyah* dalam kacamata teroris dari semua peristiwa yang melibatkan terorisme. Pendekatan *istinbat* pula digunakan untuk melihat perkaitan konsep *hakimiyyah* dalam pengamalan terorisme serta bandingannya dengan kupasan-kupasan para ulama. Pendekatan *jadali* pula digunakan dalam meneliti pentafsiran *hakimiyyah* versi teroris serta kritikan terhadap konsep berkenaan.

### **Terorisme Dan Agama**

Pada tanggal 4 November 1995, Perdana Menteri Israel Yitzhak Rabin telah dibunuh oleh Yigal Amir, seorang pemuda ekstrim Yahudi. Sejurus pemuda tersebut berjaya ditangkap, dia mengakui sesuatu dengan berkata:

“Saya bertindak sendirian atas perintah Tuhan dan saya tidak menyesal”. (Mark Juergensmeyer, 2000)

Pada Februari 1994, Dr. Baruch Goldstein, seorang penganut Yahudi ekstrim melakukan serangan terorisme terhadap orang-orang Islam yang sedang menunaikan solat subuh di masjid Ibrahim, Hebron. Setelah disiasat oleh pihak berkuasa, dia mendakwa tindakannya itu berasaskan kepada tuntutan ajaran agama Yahudi sebagai membala gangguan dan penghinaan anak-anak muda Arab pada malam menjelang hari Purim. (Abdul Muis Naharong, 2013)

Manakala pada tanggal April 1995, berlaku pengeboman yang dilakukan oleh Timothy McVeigh terhadap gedung Federal Alfred P. Murrah di Bandar Raya Oklahoma. Alasan Timothy McVeigh bahwasanya tindakan itu merupakan tuntutan ajaran sekte (*Christian Identity*) yang dianutinya. (Abdul Muis Naharong, 2013). Sejarah juga mencatatkan bermula tahun 1980-an sehingga 1990-an, beberapa kelompok ekstrim Sikh bertindak secara ganas sehingga melakukan pembunuhan terhadap Indira Gandhi. Dua orang pengawal Indira Gandhi yang beragama Sikh telah bertindak sedemikian pada Oktober 1984 dalam kerangka waktu ketika beliau berusaha mendirikan negara beragama di Punjab.

Dalam kalangan Muslim pula, pada bulan Oktober 1981, seorang tentera bernama Khalid al-Islambuli yang menganggotai organisasi *al-Jihad* di Mesir telah melakukan pembunuhan terhadap Presiden Anuar Sadat. Semasa serangan itu dilakukan, Khalid al-Islambuli melepaskan tembakan ke arah tempat duduk Sadat lalu menjerit sambil berkata:

“Nama saya Khalid al-Islambuli, saya telah membunuh Firaun (Sadat), dan saya tidak takut mati”. (Gilles Kepel, 1985)

Berkenaan amalan terorisme dalam kalangan muslim, Ahmad Taib (2014) menjelaskan bahawa sejarah mencatatkan bahawa amalan terorisme dalam kalangan Muslim telah wujud sekian lama seperti gerakan *Khawarij* yang terbentuk selepas kewafatan Nabi Muhammad saw. Namun, perbincangan berkenaan terorisme menjadi semakin hangat semenjak tragedi 11 September 2001 akibatnya menjadikan agama Islam sebagai mangsa tuduhan kononnya agama Islam menyeru kepada keganasan (Muhammad al-Hawari, 2004).

Wacana utama pemikiran khawarij adalah konsep hakimiyyah, iaitu kepercayaan bahawa sesebuah pemerintahan itu perlu berasaskan kepada hukum tuhan. Di era salaf, kalangan khawarij ini menggunakan hujah ayat al-Quran dengan dipersembahkan pentafsiran versi mereka dalam mengabsahkan kepercayaan mereka. Hal ini ada disebut dalam hadis yang dikeluarkan oleh Muslim, daripada Ubaidullah bin Abi Rafi' bahawa ketika Saidina Ali menjadi Khalifah, kelompok Khawarij telah keluar melawan pemerintahan beliau dengan melaungkan slogan “*tiada hukum kecuali hukum Allah*”. Bagi menolak pentafsiran mereka, Khalifah Islam ke-4 itu berkata: “*Perkataan benar yang dikehendaki dengannya adalah kebatilan*” (Muslim, 261)

Di era moden, gerakan teroris yang dikaitkan dengan agama Islam yang mengangkat wacana *hakimiyyah* dengan nafas baharu semakin menonjol. Bersandarkan jenama negara Islam, lahir gerakan *Islamic State of Iraq and Syria* atau ringkasnya ISIS (Ahmad Sauffiy Abu Hasan, 2016). Bilangan orang yang terlibat bersama gerakan ISIS ini ternyata bukan sedikit. Golongan yang turut terlibat adalah warga Muslim dalam kalangan rakyat Malaysia. Menurut laporan *Indonesian and Malaysia Support For Islamic State* oleh U.S. Agency for International Development (USAID) bertarikh 6 Januari 2016, dalam sejuta orang Muslim di Indonesia, sebanyak 1.4 nisbah orang terlibat dengan ISIS; manakala dalam sejuta orang Muslim rakyat Malaysia, sebanyak 8.5 nisbah orang terlibat dengan ISIS.

### ***Aliran Salafisme dan Gerakan Al-Ikhwan al-Muslimun***

Terdapat beberapa kajian menyatakan bahawa amalan terorisme dalam kalangan Muslim dikaitkan dengan aliran Salafisme dan gerakan *al-Ikhwan al-Muslimin*.

Sebuah tesis bertajuk ‘Jaringan al-Jama’ah al-Islamiyah di Asia Tenggara: Sejarah Dan Perkembangan (1950-2010)’ hasil kajian Zulkornain Haron telah menjelaskan sebuah gerakan teroris atas nama *Jama’ah Islamiyah* (JI) di Malaysia ditubuhkan sehingga munculnya pergerakan perjuangan lain seperti *Darul Islam* (DI) atau Negara Islam Indonesia (NII) yang terdiri daripada beberapa individu popular beraliran Salafi. Nama individu-individu ini terkenal dalam wacana teroris di Malaysia dan Indonesia seperti Abu Bakar Basyir dan Abdullah Sungkar, Fikhirudin @ Abu Jibril dan Muchliansyah. Bahkan, semasa berada di Malaysia, mereka terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pusat pendidikan yang berorientasikan kepada aliran Salafisme seperti Ma’ahad Ittiba’ As-Sunnah, Kuala Pilah. Individu-individu ini juga mengangkat slogan ‘Kembali kepada manhaj Salaf’ yang menjadi asas kefahaman dan ajaran di ma’ahad terbabit. Dalam sekitar awal tahun 90-an, salah seorang penggerak mereka yang berkarsma sebagai penceramah terkenal sebagai “Afghan veteran” bernama Mukhlis @ Ali Ghufran telah menetap di Malaysia. Ketika itu, mereka sudah merancang untuk membina Pesantren Luqmanul Hakiem, di Ulu Tiram, Johor dan membawa ideologi yang selari dengan Ma’ahad Ittiba’ As-Sunnah dengan melantik Mukhlis @ Ali Ghufron sebagai mudir pertama sekolah tersebut.

Kajian itu turut mendedahkan asas pemikiran gerakan *Jama’ah Islamiyah* (JI) adalah berorientasikan fahaman Salafi yang menggabungkan pemikiran radikal Syed Qutb dan Hasan al-Banna. Daripada pemikiran radikal tersebut, gerakan *Jama’ah Islamiyah* (JI) menggagaskan beberapa fahaman radikal seperti menuduh *taghut* terhadap pemerintah yang tidak berhukum dengan hukum Allah dan pemerintah yang menggunakan jalan demokrasi.

Dalam satu artikel bertajuk “Gerakan Teroris Dalam Masyarakat Islam: Analisis Terhadap Gerakan Jemaah Islamiyah (JI)” tulisan Zulkifli Haji Muhammad Yusoff (2005); menjelaskan bahawa gerakan *Jama’ah Islamiyah* (JI) di Indonesia beraliran Salafi di Indonesia telah berpecah kepada dua, iaitu Salafi Murni dan Salafi Jihadi. Kumpulan salafi pertama ini bertujuan memurnikan ajaran Islam daripada unsur-unsur syirik, *bid’ah* dan khurafat. Kelompok ini memahami jihad (dalam erti perang) sebagai usaha membela diri daripada serangan musuh, bukan sebagai menggempur atau memulakan serangan (*jihad talab* atau *jihad hujum*). Mereka tidak membabitkan diri dalam urusan politik dan menolak pendekatan revolusi menggulingkan pemerintah. Kumpulan kedua pula ialah kumpulan Salafi Jihadi yang bersikap sebaliknya. Mereka secara umum merupakan veteran perang Afghanistan.

Penulisan tersebut memberi kesimpulan bahawa gerakan terorisme atas nama *Jama’ah Islamiyah* (JI) membawa ideologi Salafisme bertujuan mewujudkan negara Islam yang menegakkan syariah murni sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad, para sahabat dan generasi terdahulu, serta menjenamakan diri mereka sebagai Salaf. Penulisan berkenaan turut menyatakan bahawa *Jama’ah Islamiyah* (JI) ialah organisasi dakwah yang berideologi Salafisme dan bercita-cita mendirikan negara Islam di Asia Tenggara. Di samping itu, penulisan tersebut juga membantah dakwaan yang mengaitkan gerakan *Jama’ah Islamiyah* (JI) dengan Ikhwan Muslimin dengan hujah bahawa Hasan al-Banna dan Rashid Ridha yang merupakan tokoh besar gerakan al-Ikhwan al-Muslimin tidak menganut aliran Salafisme.

Manakala melalui artikel berjudul ‘Penyebaran Salafi Jihadis Ke Perguruan Tinggi Di Malaysia dan Dampaknya Terhadap Islamophobia’ (Amirulhakim Ahmad Nadzri et. al., 2018), pengkaji mengemukakan beberapa gaya fikir Salafi Jihadis yang terbentuk setelah kematian

Syed Qutb seperti keyakinan bahwasanya hanya penganut Salafisme sahaja umat Islam yang sejati ketimbang penganut bukan aliran Salafisme, fahaman terhadap amalan takfir—mudah mengkafirkan pihak lawan tanpa berusaha meneliti kekuatan hujah, tafsiran Islam perlu dibuat secara literal dan konsep *al-Wala' wa al-Bara'* membawa citra permusuhan abadi antara Islam dengan bukan Islam. Berdasarkan penulisan tersebut, gaya berfikir seperti ini dihubungkan dengan elemen-elemen tarbiah dalam kurikulum ISIS yang berorientasikan kepada dua perkara dasar, iaitu benci barat dan fikrah Salafi Jihadis.

Selain itu, terdapat juga kajian berkenaan terorisme agama yang dilihat dari sudut psikologi diterbitkan oleh Jurnal Wawasan Manajemen (JWM) pada tahun 2018 yang bertajuk ‘Psikologi Terrorisme Agama: Antara Bebalisme dan Fanatisme’ tulisan Rahimin Affandi Abdul Rahim et. al. (2018). Meskipun kajian tersebut lebih memfokuskan kepada penglibatan golongan terorisme dari sudut psikologi, namun kajian itu menukilkan petikan kenyataan Imam Samudera yang terlibat dengan tragedi bom Bali. Imam Samudera berkata bahawa tindakannya itu berdasarkan keyakinannya terhadap manhaj *al-Salaf al-Salihi*. Turut dijelaskan bahawa ideologi *al-Qaeda* dan ISIL berpusat pada konsep Takfir, *Hakimiyyah*, Hijrah, Jihad dan *Dar Harb-Dar Islam*. Tambahan pula, rujukan mereka adalah tokoh terorisme Mesir bernama Abdul Salam Faraj yang sering menukilkan kupasan Ibn Taimiyyah, Muhammad bin Abdul Wahhab dan Syed Qutb berkenaan sesuatu isu yang melibatkan pemikiran terorisme. Kajian tersebut juga menegaskan bahawa ideologi bagi gerakan terorisme ialah Salafi Jihadi yang berteraskan kepada tiga aliran utama iaitu *Salafisme*, Wahabisme dan pemikiran Syed Qutb.

Menelusuri kajian-kajian yang dinukilkan ini, antara kesimpulan yang dapat diberikan ialah gerakan teroris didakwa menganut ideologi *Salafisme* atau *al-Ikhwan al-Muslimin*. Namun begitu, jika diteliti dengan lebih lanjut, dakwaan bahwasanya aliran *Salafisme* sebagai penyebab induk terhadap pemikiran terorisme adalah tidak tepat. Hal ini demikian kerana terdapat pendapat ulama secara terang-terangan menyeru agar berpegang dengan manhaj Salaf seperti Abdul Aziz Bin Baz (1997) yang bertentangan dengan pemikiran tersebut. Sebagai contoh, dalam koleksi fatwa berjudul “*Majmuk Fatawa wa Maqalat Mutanawwi'ah al-Allamah Abd al-Aziz bin Baz*” dinukilkan fatwa beliau bahawa haram menegur pemimpin negara dalam keadaan terbuka. Secara jelas fatwa tersebut bercanggah dengan prinsip yang dipercayai oleh gerakan terorisme yang berpandangan halal untuk membuat kekacauan awam melalui serangan pengganasan.

Demikian juga adalah tidak sesuai mendakwa gerakan terorisme berasal daripada kumpulan *al-Ikhwan al-Muslimin*. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa orang tokoh pemikir utama berautoriti seperti Yusuf al-Qaradawi dan Hasan al-Hudhaibi yang menjadi rujukan dalam *al-Ikhwan al-Muslimin* secara jelas dan terbuka menentang pemikiran terorisme.

Yusuf al-Qaradawi diakui sebagai seorang tokoh yang terpengaruh dengan pemikiran *al-Ikhwan al-Muslimin*. Beliau merupakan seorang tokoh yang bukan sekadar menolak terorisme, bahkan menolak pemikiran ekstrim. Menurut Nadia M. Wardeh (2019):

*“Accordingly, Al-Qaradawi disapproves of violence among Muslims, and condemns the ideology and actions of Jama‘at al-Takfir wa-al-Hijrah. In his view, this organization is following in the footsteps of the Kharijites and, like the latter, is prepared to brand as an unbeliever anyone who sins or fails to implement the shari‘ah, as well as people who submit to rulers they disapprove of. Still more sinful in their view are the religious scholars who do not openly condemn these people as unbelievers”*

Hasan al-Hudhaibi (1977) bekas Mursyidul Am *al-Ikhwan al-Muslimin* pula pernah menulis sebuah buku bertajuk “*Du’at la Qudhat*” bersama kata pengantar menjelaskan tujuan penulisan buku itu untuk menolak pendapat bahawasanya sesetengah ahli *al-Ikhwan al-Muslimin* yang dipenjarakan cenderung menggunakan pendekatan ekstrim seperti mengkafirkan sesama Muslim atau sekecil-kecil perbuatan menyeru bagi meragukan keimanan sesama Muslim. Dalam buku terbabit, Hasan al-Hudhaibi turut berhujah bahawa sudah layak untuk mengatakan seseorang itu Muslim apabila insan itu mengucap dua kalimah syahadah seterusnya dilarang untuk meragui kepercayaannya. Ini diperkuatkan lagi hujah bahawasanya *al-Ikhwan al-Muslimin* bukan merupakan sebuah gerakan terorisme apabila umum mengetahui *al-Ikhwan al-Muslimin* menerima demokrasi dan terlibat dengan politik pilihanraya sedangkan kumpulan terorisme Muslim menolak pendekatan demokrasi.

## PERBINCANGAN

### **Terorisme Menurut Wacana *Hakimiyyah***

Penelitian terhadap beberapa kajian berkaitan gerakan terorisme yang menyandarkannya kepada fikrah Salafisme dan *al-Ikhwan al-Muslimin*, mendapati bahawa semuanya bermuansakan kepada idealisme negara Islam yang berasaskan kepada wacana *Hakimiyyah*.

Menurut Muhammad Imarah (1988), pemikiran *Hakimiyyah* berasal daripada prinsip pemerintahan yang bukan berorientasikan umat, sebaliknya berorientasikan kepada Tuhan. Contohnya, ajaran Syiah mengangkat konsep imam maksum dan mempercayai bahawa melalui konsep ini sahaja hukum Tuhan dapat dilaksanakan. Salah faham terhadap maksud *Hakimiyyah* terjadi apabila golongan *Khawarij* menghubungkannya dengan wacana politik Islam dan seterusnya menjadikan konsep ini sebagai dasar utama ajaran mereka.

Konsep *Hakimiyyah* dalam wacana politik Islam dijadikan sandaran dalam pentafsiran beberapa sumber dan konsep Islam oleh golongan teroris seperti ISIS, Boko Haram dan *Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah*. Konsep ini menjadi induk pemahaman mereka, bahkan dianggap sebagai akar bagi seluruh rangkaian pendapat, pemikiran dan cabang-cabangnya, seperti takfir dan mengangkat senjata terhadap negara yang tidak melaksanakan hukum Allah.

Usama al-Azhari (2015) dan al-Qaradawi (2008) menegaskan melalui konsep *Hakimiyyah*, lahirnya beberapa pemikiran lain seperti fikrah *jahiliyyah* dan amalan takfir hanya kerana tidak berhukum dengan hukum Allah. Malah, dalam kalangan teroris beranggapan bahawasanya dibenarkan menyerang negara yang tidak melaksanakan hukum Tuhan itu.

Abdul Fatah Abd al-Ghani al-Awari (2015) mengemukakan pandangan al-Maududi berkenaan konsep *Hakimiyyah* yang merujuk kepada kepimpinan tertinggi atau kepimpinan mutlak sepertimana yang diguna pakai dalam istilah ilmu sains politik moden yang merujuk kepada kupasan al-Maududi bahawa setiap individu wajib mentaati undang-undang yang didasari daripada kehendak Tuhan. Ini berdasarkan hakikat bahawa kuasa mutlak hanya terletak kepada zat-Nya dan segala yang ditetapkan oleh-Nya tidak harus dipersoalkan. Beliau juga merujuk kepada penegasan Al-Maududi bahawa tiada sesiapa harus melaksanakan hukum selain hukum Allah kerana tiada yang benar kecuali daripada Allah sahaja.

Syed Qutb (1990) pula menjelaskan bahawa *Hakimiyyah* ialah salah satu daripada keistimewaan Allah. Hal ini demikian kerana hakikat kebenaran itu merupakan hak Allah sebagai penetap hukum malah tiada hukum sebenar kecuali hukum yang ditetapkan oleh Allah. Beliau berpandangan *Hakimiyyah* perlu menjadi sandaran sebuah pemerintahan. Sesuatu pemerintahan yang bersandarkan kepada selainnya boleh dikategorikan sebagai mengingkari hak Allah. Meskipun dihimpunkan sekalian manusia, tiada manusia yang boleh menandingi

hak Allah. Beliau turut menjelaskan bahawa hukum Allah wajib dilaksanakan oleh pemerintah yang berkuasa. Jika sesebuah pemerintahan tidak melaksanakannya, maka pemerintahan itu dianggap sebagai berselisih dengan Allah dan boleh menjadi kufur.

Kupasan Syed Qutb berkenaan *Hakimiyyah* ini dianggap bahaya oleh al-Qaradawi (2008). Beliau menjelaskan bahawa pemikiran Syed Qutb ini terpengaruh dengan agenda kebangkitan yang digelar sebagai revolusi Islam seterusnya membawa kepada tanggapan bahawa masyarakat yang tidak berhukum dengan hukum Allah sebagai masyarakat *Jahiliyyah* lalu memberi implikasi tuduhan kafir kepada sesebuah masyarakat malah terhadap seluruh umat manusia. Bentuk pemikiran sebegini menyerupai tafsiran seorang tokoh teroris Mesir, Syukri Mustafa (Halal Mustafa, 2005) yang merupakan pengasas kepada *Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah* melalui karyanya bertajuk “*al-Khilafah*” (Rif’at Syed Ahmad, 1991)

Dalam buku “*al-Ma’alim*”, Syed Qutb (1979) menyatakan:

“Islam tidak dikenali kecuali daripada dua jenis masyarakat, iaitu masyarakat Islami dan Jahili. Bukanlah masyarakat Islam dengan himpunan manusia yang menamakan diri mereka sebagai Muslimin dalam keadaan syariah Islam tidak menjadi undang-undang dalam masyarakat tersebut - walaupun mereka solat, puasa dan haji di Baitul Haram”

Dalam “*al-Zilal*” pula, Syed Qutb (1990) menjelaskan bahawa konsep masyarakat Jahili dan Islami ini adalah berkaitan permasalahan kafir dan iman. Kata beliau:

“Apakah pengakuan terhadap *Uluhiyyah* bagi Allah dan *Rububiyyah*-Nya serta penguasaan terhadap manusia; ataupun penolakan terhadap pengakuan ini yang menjadi isu utama? Bertitik tolak daripada ini, isu ini ialah antara isu kufur atau iman dan *jahiliyyah* atau Islam.”

Beliau turut menyambung dan berkata:

“Menolak daripada mengiktiraf *Uluhiyyah*, *Rububiyyah*, penguasaan dan kesultanan Allah ialah serupa dengan menolaknya dengan lidah atau menolak dengan perbuatan tanpa perkataan. Justeru, isunya merupakan isu kufur atau iman dan *jahiliyyah* atau Islam”.

Penjenamaan masyarakat *jahiliyyah* ini dikemukakan lebih awal oleh al-Maududi (1967) dalam karya beliau yang bertajuk “*Mujaz Tarikh Tajdid al-Din wa Ihyaihi*”. Dalam karya tersebut beliau menegaskan:

“Selepas Umar bin Abdul Aziz, kekecamukan politik dan negara berpindah ke tangan *jahiliyyah* sehingga berzaman.”

Al-Qaradawi (2008) menjelaskan bahawa kepercayaan sebegini bukan sahaja terdapat dalam tulisan Syed Qutb bertajuk “*al-Ma’alim*”, bahkan terdapat juga dalam karya lain seperti “*al-Zilal*”, dan yang paling signifikan adalah karya bertajuk “*al-‘Adalah al-Ijtima‘iyah*”. Kenyataan al-Qaradawi tersebut dizahirkan keabsahannya melalui kenyataan seorang tokoh teroris, Aiman al-Zawahiri (2001) yang mengangkat idea dakwah Syed Qutb berkaitan

“*Hakimiyyah lillah*”. Idea tersebut telah menyalakan api revolusi Islam untuk melawan musuh Islam daripada dalam dan luar.

Penjelasan Syeq Qutb ini tidak jauh beza dengan kenyataan seorang tokoh teroris Mesir yang merupakan pengasas kepada *Jabhat al-Tahrir al-Filastiniyah*, iaitu Saleh Siriyah (Spencer C. Tucker, 2010). Melalui risalahnya yang bertajuk “*Risalah al-Iman*” beliau menyatakan:

"Sesungguhnya hukum-hukum yang terlaksana di seluruh negara Islam pada hari ini ialah hukum kafir tanpa sebarang keraguan lagi. Dan masyarakat yang berada di dalam semua negara ini ialah masyarakat jahiliyah" (Usama al-Azhari, 2015)

Dalam karya “*al-Haq al-Mubin*”, Usama al-Azhari (2015) menegaskan bahawa menerusi buku “*Risalah al-Iman*” didapati secara jelas cara pemikiran takfir pemerintah dan tuduhan *jahiliyyah* terhadap sesuatu masyarakat dikemukakan oleh Saleh Siriyah. Beliau menjadikan kitab “*al-Zilal*” karya Syed Qutb sebagai rujukan. Begitu juga dengan Syukri Mustafa, pengasas gerakan pengganasan bernama *Jamaah Al-Takfir Wa Al-Hijrah* yang turut menjadikan kitab yang sama sebagai asas rujukan.

Pentafsiran *Hakimiyyah* sebegini ternyata memberi pengaruh besar kepada pemikiran golongan teroris kontemporari. Sebagai contoh, melalui penulisan buku “*Fursan Tahta Rayah al-Nabi*”, Aiman al-Zawahiri (2001) menyatakan bahawa undang-undang dan perlombagaan Mesir tidak berhukum dengan hukum Islam. Bagi mengukuhkan pentafsiran tersebut, beliau berhujah bahawa dalam peruntukan perlombagaan Mesir tiada pensyaratan berkenaan orang bukan Muslim dan golongan wanita boleh dilantik sebagai presiden walhal peruntukan ini bercanggah dengan ijmak para *fuqaha*’.

Lanjutan daripada pentafsiran *Hakimiyyah* ini, golongan teroris mendakwa dan menuduh sebagai *taghut* kepada golongan yang berbeza dengan mereka dengan merujuk kepada ayat ke-60, surah al-Nisa’. Dalam buku tersebut, Aiman al-Zawahiri bertegas menyatakan mereka tidak akan berdiam diri terhadap *taghut* yang ditafsirkan olehnya sebagai status hukum manusia yang menyembah selain daripada Allah. Berasaskan kepercayaan ini, beliau menganggap negara Mesir sebagai negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang memusuhi Islam. Hakikat ini disokong pula dengan hujah sejarah pembunuhan Presiden Mesir, Anuar Sadat yang dilakukan oleh Khalid Islambuli. Apabila Khalid Islambuli disoal siasat dengan pertanyaan: ‘Mengapakah kamu membunuh Anuar Sadat?’. Beliau menjawab:

“Dia tidak berhukum dengan syariah. Dia membuat perjanjian damai bersama Israel. Dia menghina ulama-ulama Islam”. (Aiman al-Zawahiri, 2001)

Aiman al-Zawahiri secara terang-terangan menyatakan tidak bersetuju dengan larangan mengatakan kafir kepada golongan yang dituduh oleh mereka sebagai *taghut* ini meskipun manusia itu mengucap syahadah. (Aiman al-Zawahiri, 2001)

Manakala penulisan berjudul “*al-Jihad al-Faridhah al-Gha‘ibah*” yang terkenal sebagai rujukan golongan teroris di Mesir tulisan Muhammad bin Abdul Salam Faraj pula menjelaskan berkenaan *Hakimiyyah* dalam wajah yang lebih dahsyat (Muhammad Imarah, 2009). Beliau mendakwa bahawa mendirikan negara Islam yang melaksanakan hukum Allah merupakan sebuah kewajipan agama. Sekiranya negara itu tidak melaksanakan hukum Allah, maka negara tersebut boleh diperangi. Beliau menegaskan:

“Negara ini (Mesir) berhukum dengan hukum kafir, walaupun penduduk negara ini ialah Muslim. Hukum-hukum yang mengatasi Muslim pada hari ini ialah hukum kafir, bahkan undang-undang juga ditetapkan oleh orang kafir dan mereka (kafir) laksanakannya terhadap orang Islam, (hal ini terjadi) selepas kehilangan khilafah tahun 1924.... Pemerintah Muslim tidak membawa Islam kecuali pada nama sahaja, sungguhpun mereka menunaikan solat, berpuasa dan mendakwa diri mereka sebagai Muslim. Matlamat jemaah jihad adalah melaksanakan *al-Daulah al-Islamiyyah* untuk mengembalikan Islam kepada umat ini. Jalannya adalah menerusi pedang. Tidak diragukan lagi bahawa *taghut-taghut* di bumi ini tidak akan hilang kecuali dengan pedang”. (Muhammad Imarah, 2009)

Dalam buku “*al-Idah Lima Fi Dustur al-Yaman*”, Umar al-Saif juga menjelaskan perkara yang sama, malah menyatakan bahawa memerangi negara sebegini ialah fardu ain. (Umar al-Saif, t.t)

Berdasarkan perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa gerakan terorisme yang melibatkan Muslim bukanlah sebenarnya berpunca daripada aliran pemikiran yang mereka anuti sama ada aliran *Salafisme* atau *al-Ikhwan al-Muslimin*. Namun, kecenderungan tersebut berlaku adalah natijah daripada wacana negara Islam yang bernuansakan kepada pentafsiran konsep *Hakimiyyah* berdasarkan asas pemikiran golongan *Khawarij* yang dipersembahkan dalam bentuk baharu.

### **Konsep *Hakimiyyah* Berdasarkan Fahaman Golongan *Khawarij***

Golongan teroris membataskan pentafsiran konsep *Hakimiyyah* kepada perlaksanaan hukum Allah sahaja. Hal ini dinyatakan oleh Aiman al-Zawahiri dalam karya “*Fursan Tahta Rayah al-Nabi*” dengan penegasan bahawa mereka yang diam daripada melaksanakan *Hakimiyyah* Allah dianggap sebagai *taghut* yang menyembah selain daripada Allah (Aiman al-Zawahiri, 2001)

Hakikat pemikiran aliran ini bermula daripada pentafsiran *Khawarij* terhadap firman Allah SWT dalam surah al-Ma’idah, ayat 44:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

“Sesiapa yang tidak berhukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir” (Surah al-Maidah 5:44)

Berdasarkan ayat al-Quran ini juga, golongan *Khawarij* melakukan serangan terhadap pemerintahan Saidina Ali sehingga khalifah Islam ke-4 itu mengungkapkan satu perkataan yang masyhur:

“Ia adalah kalimah benar, (tetapi) yang dikehendakinya adalah kebatilan. Benar, tiada hukum kecuali hukum Allah, tetapi mereka menyatakan: tiada penguasa kecuali Allah. Manusia mempunyai penguasaan juga, sama ada baik atau jahat.” (Muhammad Imarah, 2008)

Pentafsiran mereka bahawa *Hakimiyyah* dibataskan kepada Allah sahaja didapati bercanggah dengan beberapa ayat al-Quran yang lain. Pertama; menerusi ayat ke-95 daripada

surah al-Ma'idah dinyatakan berkenaan orang yang berburu ketika memakai ihram hendaklah dihukum dengan menyembelih binatang yang sepadan dengan binatang buruannya dan binatang itu ditentukan oleh dua orang manusia yang adil sebagai bayaran denda. Dalam suruhan ini jelas dinyatakan manusia menentukan sendiri binatang yang perlu disembelih dan bukan Tuhan yang menentukan (al-Qurtubi, 1964).

Kedua; berdasarkan ayat ke-35 surah al-Nisa' yang menjelaskan berkenaan penghakiman ketika berlaku perselisihan antara suami dengan isteri. Hakim yang dilantik bagi menyelesaikan hal ini ialah manusia, bukan Tuhan (al-Qurtubi, 1964). Ketiga; berdasarkan ayat ke-188 surah al-Baqarah merujuk kepada gelaran hakim terhadap pemerintah dan Qadhi juga digunakan terhadap manusia.

Berdasarkan penilaian dan perbahasan ini, dirumuskan bahawa membataskan *Hakimiyyah* hanya kepada Allah sahaja adalah tidak tepat, bahkan pengertian sebenar *Hakimiyyah* yang termaktub di dalam Al-Qur'an bukan semata-mata merujuk kepada kekuasaan Allah sahaja, bahkan ia juga merujuk kepada konteks kuasa manusia (Muhammad Imarah, 2008).

Sebagai perbandingan, Muhammad Imarah menjelaskan *Hakimiyyah* hendaklah dilihat dalam dua bentuk; iaitu bukan semata-mata *Hakimiyyah* Allah yang maksum, bahkan satu lagi bentuk iaitu *Hakimiyyah al-Basyar* (manusia) yang tidak maksum. Beliau menjelaskan bahawa *Hakimiyyah al-Basyar* itu dilihat kepada dua jenis; iaitu *Hakimiyyah* yang baik dan *Hakimiyyah* yang jahat, iaitu membawa kepada keadilan atau kezaliman.

Berdasarkan penilaian dan perbahasan terhadap pentafsiran golongan *Khawarij* terhadap ayat ke-44 surah al-Ma'idah ini, jelaslah bahawa pentafsiran golongan teroris terhadap konsep *Hakimiyyah* yang dibataskan kepada Allah sahaja adalah tidak tepat, malah terbukti bercanggah dengan pengertian *Hakimiyyah* berdasarkan konteks ayat-ayat al-Quran sendiri.

### **Takfir dan Hubungannya dengan konsep *Hakimiyyah***

Pentafsiran golongan *Khawarij* terhadap maksud *Hakimiyyah* menyebabkan amalan takfir berlaku sepertimana yang telah mereka lakukan terhadap pemerintahan Saidina Ali dan diikuti dengan serangan bersenjata dan pertumpahan darah (As'ad al-Sahmarani, 1999). pada era moden pula, golongan teroris menjadikan pentafsiran mereka terhadap *Hakimiyyah* sebagai pentafsiran yang paling benar dan menganggap pentafsiran lain sebagai kufur. Dalam menanggapi *Hakimiyyah* terhadap negara Mesir yang dituduh sebagai tidak berhukum dengan hukum Allah, Aiman al-Zawahiri (2001) dalam buku "Fursan Tahta Rayah al-Nabi" menyatakan bahawa dia menganggap sesiapa yang mendokong negara Mesir sebagai menyembah selain daripada Allah, walaupun mereka menyebut syahadah.

Kefahaman yang mendakwa kufur kepada golongan yang tidak melaksanakan hukum Allah SWT bercanggah dengan konsep akidah yang menyatakan bahawa pelaku dosa besar tidak dikira sebagai kufur (Ahmad Taib, 2014). Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menyatakan bahawa pelaku dosa besar masih dikira sebagai mukmin. Contohnya, ayat ke-9 surah al-Hujurat menggunakan ungkapan 'mukmin' terhadap golongan yang saling berbunuhan, walhal saling berbunuhan itu merupakan salah satu dosa besar. Manakala ayat ke-5 dan 6 surah al-Anfal pula, Allah SWT masih menyifatkan 'mukmin' bagi pelaku dosa yang tidak suka berjihad. Demikian juga, dalam ayat ke-2 dan ke-3 surah al-Saf bahawa Allah SWT menggunakan seruan "Wahai orang-orang yang beriman" kepada orang-orang yang melakukan dosa besar dalam bentuk tidak menunaikan apa yang mereka perkatakan.

Melihat kepada segala percanggahan tafsiran golongan teroris terhadap konsep ini melalui konteks beberapa ayat al-Quran dan perkara dasar agama, perbahasan berkenaan konsep ini dikemukakan seperti berikut:

**Pertama:** Apabila pentafsiran golongan teroris bercanggah dengan al-Quran dan dasar agama, iaitu pentafsiran tersebut membawa kehancuran asbab perbuatan takfir, sudah pasti ayat *Hakimiyyah* yang menjadi rujukan utama mereka tidak sesuai dianalisis berdasarkan lafaz umum sahaja, tetapi perlu dilihat daripada sudut sebab yang khusus dan konteks khusus ayat sebagaimana pandangan Ibn Atiyyah al-Andalusi (1422). Sehubungan itu, analisis dan penelitian daripada sudut konteks khusus, ayat ke-44 surah al-Maidah yang dijadikan sandaran golongan teroris berkaitan dengan konsep *Hakimiyyah* adalah ayat-ayat berkenaan orang-orang Yahudi yang menerima kitab Taurat. Hal ini dapat dilihat melalui keseluruhan ayat yang lengkap:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab Taurat yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan kitab itu nabi-nabi menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi, dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendeta-pendetanya (menjalankan hukum Allah), oleh sebab mereka diamanahkan untuk memelihara dan menjalankan hukum-hukum daripada kitab Allah (Taurat) itu, dan mereka pula menjadi pengjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu, janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu (dengan menjaga diri daripada melakukan maksiat dan patuh akan perintahKu); dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit (kerana mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia); dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir” (Surah Al-Maidah 5:44)

Maksud sebenar konteks ayat ini diperkuuhkan lagi dengan penegasan oleh Ibn Abbas yang menjelaskan:

“Ayat ini diturunkan khusus kepada Yahudi.” (al-Razi, 1420).

Riwayat seumpama penegasan Ibn Abbas ini juga direkodkan daripada kalangan ulama’ salaf (Abu al-Tayyib al-Qanuji, 2017). Hujah yang sangat jelas melalui *Asbab al-Nuzul* (faktor dan konteks penurunan ayat) oleh Fakhr al-Din al-Razi yang menjelaskan bahawa ayat al-Quran ini berkaitan dengan hukum zina yang berlaku dalam kalangan orang Yahudi di Madinah, lalu Nabi Muhammad SAW menyuruh mereka berhukum dengan merujuk kepada kitab Taurat (al-Razi, 1420).

**Kedua:** Daripada sudut perbandingan, ramai ulama’ mentafsirkan bahawa maksud kufur dalam ayat ini bukan semata-mata tidak berhukum dengan perintah yang diturunkan oleh Allah. Sebaliknya, kekufuran boleh berlaku jika mengingkari hukum yang diturunkan tersebut sebagai hukum Allah. Antara ulama yang berpendapat sedemikian adalah Ibn ‘Abbas (Abu al-Tayyib al-Qanuji, 2017), ‘Ikrimah (al-Razi, 1420), al-Ghazali (1993), Atiyyah al-Andalusi (1422) dan lain-lain.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbahasan dan analisis terhadap pentafsiran golongan *Khawarij* terhadap ayat ke-44 surah al-Ma'idah, jelas bahawa pentafsiran mereka dan golongan teroris yang cenderung kepada aliran tersebut adalah bercanggah dengan ayat-ayat al-Quran yang lain. Manakala maksud kufur yang dikehendaki sebenarnya berdasarkan konteks ayat tersebut adalah khusus dan merujuk kepada golongan Yahudi.

Dalam konteks Muslim pula, aplikasi dan pemahaman ayat ini khusus kepada golongan Muslim yang mengingkari perintah tersebut daripada Allah. Kepercayaan dan tindakan tidak berhukum dengan hukum Allah dengan sengaja adalah berdosa besar. Pada sisi aliran Ahli sunnah wal jamaah, pelaku dosa besar tidak menjadi kafir kecuali jika mengingkarinya perkara tersebut. Justeru, sekiranya seseorang Muslim tidak menafikan ayat tersebut sebagai wahyu daripada Allah SWT, atau tidak mengingkarinya sebagai hukum Allah, serta mempunyai kezuran dari sudut pelaksanaannya, situasi tersebut tidak menjadikan mereka sebagai kafir (Usama al-Azhari, 2015).

Pentafsiran golongan teroris terhadap konsep *Hakimiyyah* pada hakikatnya tidak memenuhi tahap piawaian pentafsiran muktabar. Tambahan pula, pentafsiran tersebut didapati bercanggah dengan tujuan asal, ruh agama dan maqasid syariah. Implikasi daripada pentafsiran sedemikian membawa kepada corak pemikiran yang jauh tersasar daripada fitrah Islam yang bersifat rahmah apabila konsep ini dijadikan atas tuduhan *taghut, jahiliyyah* dan kufur kepada golongan yang mempunyai pemikiran yang berbeza. Lebih serius apabila mereka mengabsahkan tindakan mengangkat senjata dan menghalalkan pertumpahan darah berdasarkan pentafsiran *Hakimiyyah* yang menyeleweng tersebut.

Syariat Islam itu diturunkan untuk menjaga maslahah dan keperluan hamba serta bersifat rahmat sekalian alam. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1991) pernah menegaskan: "Syariah itu asas binaannya adalah hikmah dan kemaslahatan terhadap hamba dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Seluruhnya adil, seluruhnya rahmat, seluruhnya maslahah, seluruhnya hikmah. Setiap masalah yang keluar dari keadilan kepada kezaliman; dari rahmat kepada lawannya; dari maslahah kepada mafsadah; dari hikmah kepada sia-sia, maka itu bukan syariat, walaupun terdapat sebarang pentafsiran padanya."

## RUJUKAN

- Abdul Fatah Abd al-Ghani al-Awari (2015), *Mafhum al-Hakimiyyah*, Tashih al-Mafahim, muktamar Al-Azhar al-Alami li Muwajahah al-Tatarruf wa al-Irhab, Silsilah Majmuk lal-Buhus Al-Islamiah, Mesir.
- Abu Al-'Ala al-Maududi (1967), *Mujaz Tarikh Tajdid al-Din wa Ihya'ihi*, Dar al-Fikr, Lubnan.
- Abu al-Fath Muhammad bin Abdul Karim bin Abi Bakar Ahmad (t.t), *al-Milal wa al-Nihal*, Muassasah al-Halabi, Syria.
- Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm al-Andalusi al-Qurtubi al-Zahiri (t.t), *al-Fasl Fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, jilid 1, Maktabah al-Khanji – Kaherah.
- Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz (1417H), *Majmuk Fatawa wa maqalat Mutanawwi'ah al-Allamah Abd al-Aziz bin Baz*, Ri-asah Idarah al-buhus al-Ilmiyyah wa al-Ifta'-Riyadh.
- Andrew Walker (2016), *Special Report*, United States Institute of Peace (USIP), USA.

- Ahmad Taib (2014), *Khaturah al-Takfir*, Tashih al-Mafahim, Mu'tamar al-Azhar al-'Alami li Muwajahah al-Tataruf wa al-Irhabi, Silsilah Majmak al-Buhuth al-Islamiyyah, Kaherah
- Ahlam Muhammad al-Sa'di Farhud (2011), *Fikr al-Takfir 'Ind al-Jamaat al-Islami al-Siyasi Min al-I'tinaq Ila al-Muraja 'ah, al-Haa-lah al-Misriyyah al-Mutajawizah*, Jamiah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah, Saudi.
- Aiman al-Zawahiri (2001), *Fursan Tahta Rayah al-Nabi*, Muassasah al-Sahab al-'Ilamiyyah, Pakistan
- Gilles Kepel (1985), *Muslim Extremism in Egypt: The Prophet & Pharaoh*, Berkeley and Los Angeles: University California Press
- Hasan al-Hudhaibi (1977), *Du'at la Qudhat*, al-Nadi al-Syababi, Syria.
- Halah Mustafa (2005), *al-Islam al-Siyasi fi Misr, Min Harakah al-Islah Ila Jamaat al-Unuf, al-Hai-ah al-Misriyyah al-'Ammah Li al-Kitab*, Kaherah.
- Mark Juergensmeyer (2000), *Terror in the Mind of God: The Global Rise of Religious Violence, Updated Edition with a New Preface*, Berkeley and Los Angeles: University of California Press
- Muhammad Imarah (1988), *al-Daulah al-Islamiyyah Bain al-Ilmaniyyah wa al-Sultah al-Diniyyah*, Dar al-Syuruq, Kaherah.
- Muhammad Imarah (2009), *al-Faridhah al-Ghaibah: Juzur wa Hiwarat, Dirasah wa Nusus, Nahdah Misr Li al-Taba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'*, Kaherah.
- Muhammad Imarah (2009), *Izalah al-Syubhat 'An Ma'ani al-Mustalahat*, Dar al-Salam, Kaherah.
- Muhammad al-Hawari (tt), *al-Irhab al-Mashum Wa al-Asbab Wa Subul al-Ilaj*, Mauqi' al-Hamlah al-Sakinah, Saudi.
- Nadia M. Wardeh (January 2019), *Islamic Awakening Of The 21st Century: A View Of Yusuf Al-Qaradawi*, International Journal Of Humanities And Social Science, h. 83.
- Noor Hisham Md Nawi, Burhan Che Daud (2018), *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam: Gagasan Dan Amalan*, Penerbit UMK, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan
- Rif'at Syed Ahmad (1991), *al-nabi al-Musallah*, jilid 1, Dar Riyadh al-Ris li al-Kutub wa al-Nasyr, Kaherah.
- Syed Qutb Ibrahim Husain al-Syaribi (1412H), *Fi Zilal al-Quran*, jilid 4, Dar al-Syuruq, Beirut.
- Spencer C. Tucker (2010), *The encyclopedia of middle East wars*, ABC-CLIO, LLC – California.
- Syed Qutb Ibrahim Husain (1979), *Ma'alim fi al-Tariq*, Dar al-Syuruq, Beirut.
- Umar Saif (t.t), *al-Idah lima Fi Dustur al-Yaman min al-Kufr al-Bawah wa Istinfar Ahl al-Yaman li jihad Ahl al-Riddah wa al-Ilhad*, markaz al-Syahid Azzam al-'Ilami, Pesyawar – Pakistan.
- Usama al-Sayed Mahmud al-Azhari (2015), *al-Haq al-Mubin*, Dar al-Faqeh, Abu Dhabi.
- Yusuf Al-Qaradawi (2008), *Ibn al-Qaryah wa al-Kitab, Malamih sirah wa Masirah*, jilid. 3, Kaherah: Dar al-Syuruq, Kaherah.
- Zulkornain Haron (2014), *Jaringan al-Jama'ah al-Islamiyah di Asia Tenggara: Sejarah dan Perkembangan (1950-2010)*, (UKM)
- Abdul Muis Naharong (Oktober 2013), Teroris atas nama agama, Refleksi, Volume 13, h. 603 - 604

- Ahmad Sauffiy Abu Hasan(2016), Daesh: Kebangkitan dan pengaruh Media Sosial, Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 32 (2), h. 386
- Indonesian and Malaysia support For Islamic State (6 Januari 2016), USAID From The American People, h. 9.
- Amirulhakim Ahmad Nadzri, Rahimi Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Muhd Imran Abd Razak, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Paiz Hassan (2018), *Penyebaran Salafi Jihadis Ke Perguruan Tinggi Di Malaysia Dan Dampaknya Terhadap Islamophobia*, Jurnal Analisis Sistem Pendidikan Tinggi, Vol 2 No. 1, h. 31.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Mohd Imran Abdul Razak, Siti Mainunah Hj. Kahal, Rabiatul Adawiyyah binti Mohamed Ratha dan Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli (2018), *Psikologi Terrorisme Agama: Antara Bebalisme Dan Fanatisme*, Jurnal Wawasan Manajemen (JWM). Nombor 1. (Lambung Mangkurat University), h. 98
- Siddiq bin Hasan al-Qanuji (1978), *Abjad al-Ulum, wizarah al-Saqafah wa al-Irsyad al-Qawmi*, Damsyiq – Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

### **Penulis**

Wan Ji Wan Hussin merupakan calon pelajar pascasiswazah Ijazah Kedoktoran secara penyelidikan di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK. Beliau aktif berdakwah, mengkaji dan menulis. Bidang kajian beliau adalah pemikiran terorisme dan hubungannya dengan sumber-sumber Islam.

Burhan Che Daud merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK. Bidang kajian beliau adalah Sejarah dan Historiografi Islam.